[redacted]

## BAHAGIAN A Soalan Objektif

### Praktis 1

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai.** Morfologi Aras R

**1** "Segala titah tuanku akan __________ laksanakan dengan segeranya," sembah Hang Tuah kepada Sultan Mansur Shah.

**A** saya **C** patik
**B** beta **D** hamba

**2** Tangan Kak Najlah berbau __________ selepas dia menyiang ikan keli.

**A** hapak **C** hamis
**B** hanyir **D** hangit

**3**



Wafi __________ datuknya yang kurang sihat itu ke bilik air.

**A** menarik **C** memegang
**B** memapah **D** mengusung

**4** __________ roda basikal Kishen sudah berkarat.

**A** Jejari **C** Tetupai
**B** Sesiku **D** Lelangit

**5** __________ orang lebih suka bekerja sendiri daripada bekerja makan gaji.

**A** Setiap **C** Beberapa
**B** Semua **D** Sesetengah

**6** Cuaca di perkampungan nelayan itu pada waktu malam sejuk __________.

**A** agak
**B** benar
**C** terlalu
**D** paling

**7** Burung helang itu terbang rendah lalu hinggap di __________ sebatang dahan.

**A** atas
**B** bawah
**C** hadapan
**D** belakang

**8** Hakisan yang teruk __________ penduduk yang tinggal di kawasan itu berpindah ke tempat lain.

**A** meminta
**B** menyuruh
**C** memaksa
**D** mengajak

**9**



Kami duduk di dalam pondok __________ itu sementara menunggu hujan teduh.

**A** luas **C** besar
**B** lebar **D** kecil



LIVEWORKSHEETS

10 Banyak sungguh ________ di dalam longkang itu.
A lelabah
B lelabu
C jejentik
D pepijat

11 Harga rumah yang ________ tinggi menyukarkan golongan muda di negara ini untuk memiliki rumah sendiri.
A terlalu
B sekali
C betul
D nian

12 

Lalat ________ bangkai tikus di tepi longkang itu.
A mendekati
B mengekori
C mengerumuni
D menyelubungi

13 Sofea dan Su Ying berkenalan semasa ________ menyertai aktiviti Kem Bina Jati Diri di Kuantan.
A kita
B kami
C kalian
D mereka

14 Air mata Puan Maisarah ________ tatkala melihat keadaan anak yatim piatu itu.
A berdikit-dikit
B berderet-deret
C berderai-derai
D berduyun-duyun

15 Pemuda itu menggunakan sebuah ________ untuk meratakan tanah kepunyaan Haji Malik.
A kugiran
B jentolak
C debunga
D pawagam

16 Sudah hampir ________ jam Zarul menunggu kawan baiknya di perhentian bas itu.
A seluruh
B sesuatu
C setiap
D suku

17 Budak lelaki itu bercakap ________ kerana ketakutan.
A terkial-kial
B terburu-buru
C tergagap-gagap
D terhendap-hendap

18 Alangkah ________ Husna apabila berjaya memenangi pertandingan pidato peringkat daerah.
A malunya
B sedihnya
C takutnya
D gembiranya

19 Budak yang lemas di sungai itu ________ tidak dapat diselamatkan jika lambat dibawa ke hospital.
A mungkin
B perlu
C mesti
D dapat

20 Kereta yang dipandu dengan ________ itu terbabas lalu melanggar pembahagi jalan.
A lajunya
B kuatnya
C cepatnya
D hebatnya

21 Pertandingan pakaian beragam itu terbuka kepada golongan kanak-kanak ________.
A memang
B sahaja
C cuma
D lagi

22 Khalish ________ kakinya kerana gatal.
A melihat-lihat
B memicit-micit
C menggaru-garu
D memukul-mukul



LIVEWORKSHEETS